PRAKATA

Dalam Surah Yusuf, Nabi Yusuf AS mentakwilkan mimpi sang raja tentang tujuh tahun kemakmuran yang disusuli dengan tujuh tahun kesukaran selepasnya. Nasihat baginda jelas: tatkala hasil melimpah ruah, usahakanlah pengeluaran dengan tekun, gunakanlah sekadarnya dan simpanlah lebihan sebagai bekalan menghadapi tahun-tahun yang sukar. Setelah menempuhi tempoh kesulitan itu, dengan izin Allah SWT, turunlah rahmatNya.

Hikmah ini perlu diteladani oleh umat manusia sepanjang zaman. Kemakmuran bukanlah lesen untuk berlebih-lebihan. Sebaliknya, ia membuka ruang untuk kita bersiap siaga menghadapi hari mendatang.

Prinsip inilah yang mendasari pengurusan kewangan awam yang bertanggungjawab. Kekuatan fiskal bukanlah dibina semata-mata untuk memenuhi deretan sasaran angka. Ia memastikan bahawa tatkala ditimpa dugaan, Kerajaan masih mempunyai keupayaan untuk menggembleng ikhtiar, melindungi rakyat serta menopang iktisad negara.

Pengalaman sepanjang dekad 2020-an membuktikan betapa pentingnya keupayaan yang teguh. Pandemik COVID-19 menuntut campur tangan fiskal yang luar biasa sehingga defisit fiskal membengkak kepada 6.4% daripada KDNK pada tahun 2021. Tahun-tahun sesudahnya juga tidak membawa banyak kelegaan, bahkan sekadar menambah rentetan cabaran yang dihadapi: kadar faedah global melonjak dengan mendadak, perang tercetus di Ukraine,



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

ketegangan perdagangan memuncak, pasaran makanan dan tenaga terganggu, sementelahan konflik geopolitik kembali meruncing di Asia Barat. Hari ini, harga tenaga yang kekal tinggi dan tekanan berterusan terhadap rantaian bekalan turut diburukkan oleh risiko iklim yang semakin ketara. Bagi sebuah ekonomi terbuka seperti Malaysia, kejutan sedemikian pantas merebak kepada harga barangan, tanggungan subsidi, hasil Kerajaan serta perbelanjaan awam.

Dalam mendepani pancaroba ini, Kerajaan MADANI telah berusaha membina semula daya tahan fiskal negara. Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] telah memperkukuh landasan institusi bagi memastikan pengurusan fiskal yang bertanggungjawab. Berkat ikhtiar konsolidasi fiskal yang dilaksanakan secara beransur-ansur dan terukur, defisit fiskal berjaya dikurangkan daripada 6.4% daripada KDNK pada tahun 2021 kepada 3.7% pada tahun 2025.

Penerbitan sukuk global Malaysia bernilai USD1.5 bilion pada tahun 2026, yang mencatat spread terendah pernah dicapai serta lebihan langganan sebanyak 4.7 kali oleh lebih 100 pelabur antarabangsa, membuktikan keyakinan terhadap pengurusan ekonomi dan hala tuju fiskal negara. Namun, keyakinan sedemikian bukanlah sesuatu yang boleh kita anggap berkekalan dengan sendirinya. Ia mesti terus diraih melalui dasar yang berwibawa serta pelaksanaan yang berdisiplin.

Kendatipun demikian, kehematan fiskal sama sekali tidak bererti dasar penjimatan melampau. Reformasi yang dijayakan bukanlah dalih untuk Kerajaan menarik balik bantuan tatkala rakyat paling memerlukannya. Penyasaran semula subsidi, diiringi ikhtiar menutup ketirisan serta memperbaik pengurusan sumber awam, adalah untuk memberi ruang nafas kepada Kerajaan bagi menyalurkan bantuan dengan lebih berkesan sambil terus mendukung pertumbuhan ekonomi.

Sumbangan Tunai Rahmah, Sumbangan Asas Rahmah dan BUDI MADANI terus menjadi antara tonggak utama dalam melindungi isi rumah, khususnya ketika kenaikan harga tenaga dunia kembali memberi tekanan terhadap kos sara hidup. Bantuan turut diteruskan kepada perniagaan yang terkesan, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Pada masa yang sama, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan yang menggalakkan, yakni sebanyak 5.7% pada separuh pertama tahun 2026, meskipun berhadapan persekitaran luaran yang semakin mencabar. Ketahanan ini memberi kita keyakinan, tetapi sama sekali bukan alasan untuk kita alpa dan selesa.

Kesan fiskal daripada krisis geopolitik mutakhir serta kenaikan harga minyak dunia telah menuntut agar sasaran defisit tahun 2026 disemak kepada 3.6% daripada KDNK. Langkah ini bukan bererti kita menyimpang daripada ikhtiar konsolidasi fiskal. Sebaliknya, ia membuktikan nilai sebenar ikhtiar membina semula ruang fiskal, yakni memberi Kerajaan keupayaan untuk bertindak apabila keadaan menuntutnya.

Kerajaan mesti mempunyai ruang yang mencukupi untuk menghadapi prahara, meneruskan pembangunan yang menjadi keutamaan serta melindungi rakyat. Pada masa yang sama, kita tetap teguh berpegang pada matlamat fiskal jangka sederhana yang digariskan di bawah Akta 850. Pada tahun 2027, defisit fiskal diunjurkan terus menyusut kepada 3.3% daripada KDNK.

Namun, matlamat ini tidak mungkin dicapai dengan mengawal perbelanjaan semata-mata. Ia menuntut tatakelola yang lebih baik. Pentadbiran hasil dan pematuhan mesti terus dipertingkat. Subsidi mesti benar-benar sampai kepada golongan yang berhak menerimanya. Tadbir urus operasi serta perolehan sektor awam perlu menjadi lebih cekap, manakala perbelanjaan pembangunan mesti ditumpukan kepada program dan projek yang memberikan nilai terbesar kepada rakyat.

Setiap ringgit yang dikutip datang bersama suatu amanah yang mesti dipikul. Setiap ringgit yang dibelanjakan pula wajib membuktikan bahawa amanah rakyat kepada Kerajaan tidak dipersiakan.

Justeru, pembaharuan institusi menjadi teras penting agenda fiskal kita. Akta Perolehan Kerajaan 2026 [Akta 882] menyediakan kerangka yang lebih kukuh demi menjamin integriti, kecekapan dan kebertanggungjawaban dalam perolehan awam. Cadangan penggubalan undang-undang berkaitan entiti milik kerajaan pula bertujuan memperkukuh tatakelola dan prestasi entiti Kerajaan. Transformasi Kumpulan Wang Amanah Negara menjadi sebuah badan berkanun sepenuhnya akan memperteguh mandatnya, di samping memperkemas tatakelola, sumber pendanaan serta kaedah pengeluarannya. Kesemua pembaharuan ini bukan sekadar penambahbaikan teknikal malahan memperkukuh institusi yang diamanahkan untuk memelihara sumber dan kekayaan negara.

Pengurusan kewangan awam menjunjung tanggungjawab bukan sahaja terhadap rakyat Malaysia hari ini, tetapi juga terhadap anak-anak kita yang akan mewarisi natijah daripada keputusan yang kita buat hari ini. Kita mesti berupaya membantu golongan yang memerlukan hari ini tanpa memindahkan beban itu kepada generasi akan datang.

Pengajaran daripada Surah Yusuf menuntut kita berpandangan jauh, berdisiplin dan sentiasa bersiap siaga. Kita tidak boleh leka hanya kerana keadaan kini memihak kepada kita. Justeru, kehematan bukanlah matlamat yang berdiri sendiri. Tujuannya ialah membina daya tahan: keupayaan untuk menempuh kejutan, memelihara kestabilan dan terus membina masa hadapan.

Insya-Allah, dengan tatakelola yang baik, pelaksanaan yang berdisiplin serta pengurusan fiskal yang bertanggungjawab, Kerajaan MADANI akan terus memelihara keupayaan Malaysia untuk bertindak pada hari ini, seraya mewariskan sebuah negara yang lebih teguh kepada anak-anak kita pada hari esok.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang, secara langsung mahupun tidak langsung, dalam penyediaan Laporan ini.



ANWAR IBRAHIM
9 Oktober 2026